

## Menjaga Keamanan Negara Menurut Perspektif *Maqāsid Syariah* Serta Hubungannya Dengan Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*): Kajian Di Malaysia

*National Peace Preservation According to the Maqāsid Syariah Perspective and its Relations to the Sustainable Development Goals (Sustainable Development Studies): A Study In Malaysia*

Faezy Adenan, Asmak Ab Rahman\*

*Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia*

\*Corresponding author: [asmak@um.edu.my](mailto:asmak@um.edu.my)

### Article history

Received: 2019-08-06 Received in revised form: 2019-11-02 Accepted: 2019-11-14 Published online: 2020-02-29

### Abstract

Peace is an invaluable asset to ensure the prosperity and harmony of a nation. With the existence of peace, the people in a nation can carry out their respective responsibilities and roles perfectly, which consequently further enhance the nation prosperity. There are numbers of Western orientalist suggested that Islam is a religion that advocates violence. While in actuality, Islam uphold the preservation of peace and security at the utmost importance. This calls for a comprehensive argument to properly present the adherence of Islam towards maintaining harmony and prosperity. Therefore, the objective of this study is to highlight the existence of peace preservation in the Islamic concept of *Maqāsid Syariah* and draw the similarity on the definition of peace in *Maqāsid Syariah* with UN Guidelines for Sustainable Development Goals (Sustainable Development Goals). The research adopted library research methodology to accentuate the concept of peace preservation in the five elements of *Maqāsid Syariah* by using textual and contextual analysis on available literature pertaining the subject matter. The results show that the peace preservation of the nation is an integral piece in the concept of *Maqāsid Syariah*. National peace preservation is the key to maintain the five elements of *Maqāsid Syariah* which are religion, intellect, self, heritage and wealth. In addition, *Maqāsid Syariah* delineates peace keeping at the highest priority in *maslahah* requirement. Furthermore, *Maqāsid Syariah* demonstrates a compelling correlation in its definition of peace with the characteristic sustainable development goals (SDCs) outlined by the United Nations (UN). The importance of this study is to give a general guidance on preservation and maintenance of national peace according to the shariah objectives, which have a strong relationship among them.

*Keywords:* Peace, nation, *maqāsid syariah*, *maslahah*, sustainable development goals (SDC)

### Abstrak

Keamanan merupakan suatu aset yang sangat bernilai bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian dalam sesebuah negara. Dengan wujudnya keamanan, masyarakat dalam sesebuah negara dapat melaksanakan tanggungjawab dan peranan masing-masing dengan sempurna seterusnya dapat memajukan negara. Namun, terdapat pandangan-pandangan orientalis Barat yang menyatakan bahawa Islam adalah agama yang menganjurkan keganasan. Pandangan ini telah dinafikan apabila melihat kepada ajaran Islam yang sebenarnya menyeru kepada keamanan dan kesejahteraan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menilai hubungan di antara menjaga keamanan negara dengan *maqāsid syariah* serta kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*). Metodologi yang digunakan adalah kaedah perpustakaan dan menggunakan kaedah analisis tekstual dan kontekstual dengan mengambil kira lima elemen *maqāsid syariah* dalam konteks keamanan negara. Justeru, hasil yang diperolehi menunjukkan menjaga keamanan negara memiliki hubungan yang amat signifikan terhadap *maqāsid syariah*. Keamanan negara adalah kunci utama bagi pemeliharaan lima elemen *maqāsid syariah* iaitu menjaga agama, akal, diri, keturunan dan harta, serta menjaga

keamanan negara adalah berada pada tahap keperluan *maslahah darūriyyāt*. Selain itu, *maqāsid syariah* juga mempunyai kaitan dan hubungan yang kuat dengan *matlamat pembangunan lestari* (SDC) yang dibangunkan oleh Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Kepentingan kajian ini adalah menjadi panduan secara umum tentang penjagaan dan pemeliharaan keamanan negara menurut objektif syariah yang mempunyai hubungan sangat kuat antara keduanya.

*Kata Kunci:* Keamanan, negara, *maqāsid syariah*, *maslahah*, *matlamat pembangunan lestari* (SDC)

## 1.0 PENDAHULUAN

Fitrah kejadian manusia menyukai perkara-perkara yang bersifat aman, damai, tenteram, bahagia dan tidak menyukai perkara-perkara yang berlawanan dengannya. Agama Islam terutamanya menggalakkan umatnya menyebarkan kesejahteraan dan keamanan melalui ucapan salam sejahtera apabila bertemu sesama Muslim. Secara psikologi ucapan salam yang digunakan dalam Islam adalah untuk mengeratkan perhubungan sesama Islam seterusnya dapat mengelakkan pergaduhan, persengketaan serta permusuhan antara satu sama lain (Al-Munawi, 1972). Agama Islam juga membenci peperangan dan sentiasa berusaha menghindarinya seboleh mungkin. Namun, sekiranya ia berlaku, Islam pasti menyempitkan kawasan berlakunya peperangan itu, mengurangkan kerugiannya dan meringankan kesannya dengan apa juga cara sekalipun (Al-Qaradawi, 2009).

Setiap individu yang bergelar manusia tidak kira agama, bangsa dan keturunan semuanya menginginkan kedamaian, keamanan, ketenteraman dan kesejahteraan dalam menjalani kehidupan seharian. Lebih-lebih lagi rakyat negara yang sedang bergolak dan mengalami peperangan seperti Palestin, Syria, Mesir, Afghanistan, Libya, Somalia, Sudan, Zimbabwe dan etnik Rohingya serta negara-negara yang bergolak lain. Mereka menginginkan agar peperangan dan kekecohan yang berlaku segera ditamatkan dan seterusnya dapat menjalani kehidupan normal dan bahagia di samping keluarga.

Malaysia juga tidak terlepas daripada peristiwa-peristiwa yang mengganggu-gugat keamanan negara. Walaupun Malaysia tidak terlibat dengan sebarang peperangan seperti negara bergolak lain, namun terdapat kejadian-kejadian yang berlaku yang menjejaskan keamanan dalam negara. Sebagai contoh, peristiwa 16 Mei 1969 yang merupakan sejarah hitam berkaitan masalah perkauman dan bangsa yang mengakibatkan tragedi berakhir dengan pertumpahan darah dan kematian (Abdul Rahman, 2011). Ancaman keamanan di Malaysia bukan sahaja berbentuk ancaman dalaman, malah berlaku juga ancaman dari luaran seperti peristiwa pencerobohan Lahat Datu yang merupakan peristiwa yang menjejaskan keamanan di Malaysia di mana ia telah mengorbankan lapan orang anggota keselamatan Malaysia (Sinar Harian, 2013).

Kesan dari peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa perpaduan dan keamanan negara adalah suatu keperluan yang penting (*masalah darūriyyāt*) kepada individu, masyarakat dan negara. Melalui suasana yang aman dan selamat, nyawa, diri, harta dan negara dapat dipelihara daripada sebarang ancaman dan kerosakan. Sebagai contoh, negara-negara yang berada dalam keadaan yang tidak aman akibat berlaku peperangan seperti Syria, Palestin dan Afghanistan, peperangan telah menyebabkan fizikal negara tersebut telah musnah, rakyat terbunuh dan ramai yang cedera. Sebagai contoh, menurut Syrian Network for Human Rights, jumlah kematian di negara Syria telah dilaporkan 6,964 orang terbunuh di Syria sepanjang tahun 2018 dan pada awal tahun 2019, seramai 4,162 orang telah terbunuh di negara tersebut (Berita Harian, 2019). Selain itu, peperangan juga menyebabkan ekonomi negara jatuh merudum dan pelbagai lagi kesan yang buruk menimpa negara yang terlibat dengan peperangan (Boulding, 1945; Mosley, 1985; Koubi, 2005). Oleh itu, menjaga keamanan negara merupakan aspek dan aset yang sangat bernilai bagi sesebuah negara demi menjamin keharmonian penduduk dan kelestarian pembangunan negara.

## 2.0 KEAMANAN DALAM ISLAM

Keamanan membawa maksud kepada keadaan yang aman, kesentosaan, ketenangan dan ketenteraman (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002). Setiap agama di dunia ini menganjurkan kepada keamanan. Malahan, tidak ada suatu agama yang mengajar penganutnya membuat huru-hara dan

keganasan di atas bumi ini. Begitu juga agama Islam yang sangat menekankan keamanan dan melarang keras umatnya melakukan sebarang bentuk keganasan yang boleh membawa kepada ketidakamanan masyarakat dan negara. Rujukan utama dalam agama Islam ialah al-Quran dan al-Sunnah, sekiranya diteliti terdapat begitu banyak ayat dalam al-Quran dan al-Sunnah yang membawa maksud menyeru kepada keamanan. Antara contoh ayat al-Quran yang menyentuh bab keamanan adalah seperti firman Allah s.w.t:

وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِّنَ الْأَمْنِ أَوْ الْخَوْفِ أَدْعَاؤُهُمْ لَوْ رَدُّوهُ إِلَى الرَّسُولِ وَإِلَى أُولِي الْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ الَّذِينَ يَسْتَنْبِطُونَهُ مِنْهُمْ وَلَوْ أَنَّهُمْ فَعَضُوا فَقَرَبُوا إِلَى اللَّهِ فَغُلِبُوا هُنَا لَهَزَمْتُمُ الظَّالِمِينَ ۗ وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِّنَ الْأَمْنِ أَوْ الْخَوْفِ أَدْعَاؤُهُمْ لَوْ رَدُّوهُ إِلَى الرَّسُولِ وَإِلَى أُولِي الْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ الَّذِينَ يَسْتَنْبِطُونَهُ مِنْهُمْ وَلَوْ أَنَّهُمْ فَعَضُوا فَقَرَبُوا إِلَى اللَّهِ فَغُلِبُوا هُنَا لَهَزَمْتُمُ الظَّالِمِينَ ۗ وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِّنَ الْأَمْنِ أَوْ الْخَوْفِ أَدْعَاؤُهُمْ لَوْ رَدُّوهُ إِلَى الرَّسُولِ وَإِلَى أُولِي الْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ الَّذِينَ يَسْتَنْبِطُونَهُ مِنْهُمْ وَلَوْ أَنَّهُمْ فَعَضُوا فَقَرَبُوا إِلَى اللَّهِ فَغُلِبُوا هُنَا لَهَزَمْتُمُ الظَّالِمِينَ ۗ وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِّنَ الْأَمْنِ أَوْ الْخَوْفِ أَدْعَاؤُهُمْ لَوْ رَدُّوهُ إِلَى الرَّسُولِ وَإِلَى أُولِي الْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ الَّذِينَ يَسْتَنْبِطُونَهُ مِنْهُمْ وَلَوْ أَنَّهُمْ فَعَضُوا فَقَرَبُوا إِلَى اللَّهِ فَغُلِبُوا هُنَا لَهَزَمْتُمُ الظَّالِمِينَ ۗ

Surah al-Nisa' 4:83

Terjemahan: Dan apabila datang kepada mereka sesuatu berita mengenai keamanan atau kecemasan, mereka terus menghebahkannya; padahal kalau mereka kembalikan sahaja hal itu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) di antara mereka, tentulah hal itu dapat diketahui oleh orang-orang yang layak mengambil keputusan mengenainya di antara mereka dan jika tidaklah kerana limpah kurnia Allah dan belas kasihannya kepada kamu, tentulah kamu (terbabas) menurut Syaitan kecuali sedikit sahaja (iaitu orang-orang yang teguh imannya dan luas ilmunya di antara kamu).

Al-Qurṭubī (2006) dan al-Jalālayn (2001) dalam menafsirkan ayat ini menyatakan bahawa ayat ini turun berkaitan sekumpulan kaum munafik atau sekumpulan orang Islam yang lemah iman mereka menyebarkan berita berkaitan hasil ekspedisi tentera Islam sama ada berita kemenangan ataupun kekalahan tanpa dirujuk terlebih dahulu kepada Rasulullah s.a.w dan para pembesar dari kalangan sahabat. Penyebaran berita tersebut telah menyebabkan orang-orang Islam yang lain menjadi lemah dan tidak bersemangat untuk terus memperjuangkan dan mempertahankan agama Islam. Seharusnya Rasulullah s.a.w dan para sahabat yang akan membuat keputusan sama ada menyebarkan berita tersebut atau merahsiakannya.

Begitu juga dalam konteks negara Malaysia, seharusnya berita-berita dan peristiwa-peristiwa yang boleh mengancam keselamatan dan keamanan negara perlu diserahkan kepada pihak berwajib iaitu golongan pemerintah negara, agar berita tersebut diteliti dan dikaji sebelum ia disebar kepada awam. Hal ini adalah bagi menjamin daripada tersebarnya berita-berita palsu dan fitnah serta rahsia-rahsia negara yang akan memberi kesan langsung kepada keamanan dan ketenteraman awam sekiranya berita tersebut tersebar.

Antara contoh isu sensitif yang sering disebar di media sosial pada masa kini adalah isu 3R iaitu perkauman (race), agama (religion) dan institusi diraja (royalty) yang dilihat sengaja ditularkan dan dibangkitkan oleh individu-individu tidak bermoral yang bertujuan menimbulkan rasa marah dan melaga-lagakan antara kaum sehingga akhirnya akan mencetuskan perbalahan antara kaum (Sinar Harian, 2019). Bagi membendung gejala ini kerajaan melalui agensi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah memainkan peranan bagi membanteras dengan mencari pelaku dan penyebar fitnah dan berita palsu ini untuk dihadapkan ke mahkamah dan mendapat hukuman yang setimpal.

Sebagai agama yang komprehensif, Islam sangat mengambil berat terhadap keamanan. Mengambil teori keamanan menurut Sayid Qutub (1993), konsep keamanan dalam Islam bersifat menyeluruh yang merangkumi alam jagat, kehidupan dan kemanusiaan. Menurutnya lagi, keamanan dalam Islam bermula dengan keamanan dalam jiwa individu atau lebih dikenali dengan ketenangan jiwa. Ketenangan jiwa individu akan membawa kepada keamanan dalam keluarga. Keluarga yang aman atau bahagia akan membawa kepada masyarakat yang aman dan harmoni.

Masyarakat yang hidup dengan harmoni dan sejahtera akhirnya akan memberi kesan negara yang aman, di mana rakyatnya tidak bergaduh dan berpecah belah antara satu sama lain. Sekiranya semua negara di dunia ini aman dan harmoni maka hubungan antarabangsa dan global juga akan menjadi aman (Sayid Qutub, 1993). Oleh itu, menurut Sayid Qutub bagi mendapatkan keamanan dunia, ia bermula dengan keamanan diri individu yang boleh diperoleh dengan menghayati nilai-nilai akhlak Islam.

Islam juga menganjurkan nilai-nilai murni dan akhlak yang baik. Ia digambarkan melalui mesej terakhir yang dibawa oleh Islam melalui keperibadian Rasulullah s.a.w yang memiliki akhlak yang mulia, bersifat sederhana dan suka melakukan kebaikan sesama makhluk. Ciri-ciri ini telah menyumbang kepada keamanan dan memberi rahmat kepada alam sejagat sebagaimana firman Allah s.w.t:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ١٠٧

Al-Anbiya' 21:107

Terjemahan: Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

Keamanan yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w dapat dilihat apabila masyarakat Arab *Jahiliyah* yang hidup sebelum ini dalam bermusuhan dan berperang antara satu sama lain, tetapi setelah kedatangan Nabi s.a.w mereka hidup sebagai masyarakat yang mempunyai tamadun yang hebat. Kehebatan dan kemasyhuran bangsa Arab ini kemudiannya tersebar di bawah panji Islam ke kawasan-kawasan lain di muka bumi ini. Ketika bumi Eropah masih hidup dalam zaman kegelapan, bangsa Arab telah mencipta tamadun yang hebat meliputi pelbagai bidang seperti astronomi, ilmu sains, perubatan, ekonomi dan sebagainya (Lyons, 2009).

Sebaliknya orientalis Barat seperti Prideaux (1697), Paley (1831), Maurice (1847) dan Stubbe (1911) sering menyatakan bahawa Islam menyebarkan agama melalui mata pedang dan secara paksaan. Mereka juga menyatakan bahawa Islam berperang adalah untuk memperoleh kedudukan ekonomi atau tujuan kebendaan semata-mata, oleh sebab itu tentera Islam bersifat menyerang (*offensive*). Namun, sebagai sebuah negara yang berdaulat, kedaulatan negara perlu dipertahankan secara aman mahupun melalui peperangan. Peperangan hanya akan digunakan apabila langkah perdamaian gagal dicapai.

Hukum asal jihad (peperangan) pada asalnya adalah sunat. Namun ia akan bertukar menjadi wajib ke atas sebahagian orang Islam apabila wujud beberapa perkara seperti orang Islam diserang, menghapuskan fitnah dalam agama Islam, menyelamatkan golongan yang lemah dan ditindas atau bimbang diserang musuh yang sentiasa berniat untuk menyerang Islam (Al-Qaraḍawi, 2009).

Oleh itu, pandangan-pandangan orientalis Barat tersebut boleh dinafikan dengan melihat kepada ajaran Islam itu sendiri. Sebagai contoh, Islam melarang keras umatnya untuk menganjurkan peperangan dan ancaman kepada orang lain. Bahkan kebanyakan peperangan yang berlaku dalam sejarah Islam juga adalah bertujuan mempertahankan maruah diri, agama dan negara. Malah peperangan juga tidak akan berlaku melainkan mendapat perintah dan arahan daripada Allah s.w.t. melalui wahyu yang diturunkan kepada pesuruhnya (Al-Qaraḍawi, 2009).

Islam melarang umatnya mencetuskan pergaduhan, sebaliknya perlu mencari jalan untuk mengelakkannya daripada berlaku. Allah s.w.t berfirman:

وَلَا تَسْتَوِي الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ  
۳۴

Fussilat 41:34

Terjemahan: Dan tidaklah sama (kesannya dan hukumnya) perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik; apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib.

Al-Quran dan al-Sunnah banyak menjelaskan bahawa keamanan merupakan suatu aspek yang penting diberi penekanan dalam Islam. Ini kerana semua perkara baik yang Islam kehendaki dalam kehidupan manusia hanya boleh dikecapi dalam persekitaran yang aman. Tanpa suasana yang aman sudah tentu semua aktiviti seharian tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar. Ia termasuklah aktiviti berkaitan hubungan manusia dengan Allah s.w.t iaitu ibadah seperti solat, zakat, puasa dan sebagainya tidak dapat kita laksanakan dengan sempurna dalam keadaan yang tidak aman. Contohnya, negara yang sedang dalam peperangan, amat bahaya untuk kita keluar ke masjid untuk mengerjakan solat, malah kita solat juga dalam keadaan ketakutan. Selain itu, ia juga mengganggu hubungan manusia dengan manusia seperti dalam urusan muamalah jual beli yang memerlukan kepada keadaan yang aman dalam menjalankan urusan tersebut. Dalam keadaan bergolak sudah tentu peniaga tidak akan menjalankan perniagaannya serta pembeli juga tidak akan keluar dari tempat perlindungannya. Seterusnya keadaan ini akan memberi kesan negatif kepada kitaran ekonomi dan pertumbuhan ekonomi negara.

### 3.0 DEFINISI DAN PEMBAHAGIAN *MAQĀSID SYARIAH*

Perkataan *maqsid*, adalah *jama'* bagi perkataan *maqāsid*, *telos* (Greek), *finalite* (French) atau *Zweck* (Jerman) (Rudolf, 2001), merujuk kepada tujuan, objektif dan prinsip. *Maqāsid* dalam undang-undang Islam adalah tujuan, objektif, niat dan prinsip yang wujud disebalik perundangan Islam (Jasser Auda, 2007). Perkataan *maqāsid* dari sudut bahasa merupakan jamak kepada perkataan *maqṣad*, dan *maqsid* daripada perkataan (قصد) yang bermaksud pegangan, punca, sasaran, kelurusan, keadilan dan kesederhanaan (Ibn Manzūr, t.t).

Syariah pula berasal daripada perkataan *syara'a* (شرع) yang membawa maksud mencipta, menjelas dan menerang jalan-jalan (Al-Razi, 2010), sumber air yang mengalir dan tidak putus, menjelaskan ('Ali Jarishah, 1996), jalan yang lurus (Al-'Ashmawi, 1996). Dari segi istilah menurut kebanyakan ulama', Syariah adalah perintah Allah s.w.t yang bertujuan memelihara kepentingan serta membawa rahmat dan kemaslahatan kepada manusia di dunia dan di akhirat (Ibn Qayyim, t.t), atau sebagai sistem perundangan yang berperanan memastikan peradaban manusia mematuhi ajaran al-Quran dan al-Sunnah (Al-Sayid Sābiq, 1999). Penggabungan perkataan ini membentuk perkataan *maqāsid syariah* atau *al-maqāsid al-syar'iyyah*.

Daripada sudut pengistilahan, ramai ulama' *usul* telah memberi pendefinisian terhadap *maqāsid syariah*. Bermula dengan al-Juwayni (1998) yang memperkenalkan teori lima *darjat al-darūrat* (peringkat-peringkat keperluan) dan mengusulkan lima tujuan perundangan Islam iaitu, perlindungan terhadap keyakinan (*'aqā'id*) manusia, jiwa, akal, aurat dan harta.

Kemudian al-Ghazāli (1937) pula telah mengembangkan teori guru beliau al-Juwayni dan memperkenalkan istilah *al-hifẓ* (memelihara) untuk keperluan-keperluan itu. Beliau membahagikan

*maqāsid syariah* kepada penjagaan dan pemeliharaan kemaslahatan manusia yang meliputi pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan juga harta benda.

Seterusnya, Abu Ishāq al-Shātībī (1997), secara umumnya beliau menggunakan istilah yang sama dengan al-Juwayni dan al-Ghāzali. Beliau membahagikan *maqāsid syariah* kepada dua, objektif utama iaitu objektif tertinggi penggubal undang-undang iaitu Allah s.w.t dan objektif tertinggi manusia. Kategori tersebut adalah *ḍarūriyyāt*, *ḥājjiyāt* dan *taḥsinīyyāt*.

Ibn ‘Ashūr (1999) pula menjelaskan bahawa *maqāsid* merupakan pelbagai pengertian dan hikmah yang terkandung dalam hampir keseluruhan hukum syariah. Ia meliputi ciri-ciri, objektif utama dan nilai-nilai serta hikmah dalam syarak. Beliau mengkategorikan *maqāsid* kepada dua iaitu, *maqāsid* umum dan *maqāsid* khusus. *Maqāsid* umum ialah objektif yang terdapat dalam hukum-hukum yang melibatkan semua individu. Manakala *maqāsid* khusus pula objektif syariah yang terdapat dalam bidang-bidang yang tertentu.

Fathī al-Durainī (1987) seterusnya mendefinisikan *maqāsid syariah* sebagai nilai-nilai baik yang terkandung dalam semua nas yang merupakan matlamat kepada *tashrī’* sama ada berbentuk *juḥdī* atau *kulli*. Manakala ‘Ilāl al-Fāsi (1993) mentakrifkan *maqāsid syariah* sebagai matlamat syariah dan rahsia-rahsia pensyariatan setiap hukum yang ditentukan oleh Allah.

Al-Raisūnī (1995) pula mendefinisikan *maqāsid syariah* sebagai matlamat-matlamat yang diletakkan oleh syariat untuk merealisasikan kemaslahatan umat manusia. Seterusnya Wahbah al-Zuhailī (1996) pula mendefinisikan *maqāsid syariah* sebagai makna-makna dan tujuan yang dititikberatkan dalam semua hukum atau sebahagian besarnya atau matlamat dari syariat dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh *syari’* dalam setiap hukum.

Selain itu, al-Yūbī (1998) mendefinisikan *maqāsid syariah* sebagai makna-makna dan hikmah-hikmah dan seumpamanya yang syariah memeliharanya dalam pensyariatan sama ada secara umum atau khusus untuk merealisasikan kemaslahatan umat manusia.

Sebahagian ulama’ dan sarjana semasa tidak terkecuali dalam mengemukakan pandangan mereka berhubung pendefinisian *maqāsid syariah*. Hailani Muji Tahir (2009) menganggap *maqāsid syariah* sebagai hikmah atau tujuan yang dikenal pasti dalam pensyariatan dan pelaksanaan hukum di mana syariat Islam pada dasarnya adalah untuk mewujudkan kemaslahatan dan kebaikan kepada umat di dunia dan di akhirat. Abdul Aziz Bari (2009) pula menyarankan agar *maqāsid syariah* dijadikan pertimbangan dalam proses atau ijtihad atas faktor nilai dan utiliti positif yang dimiliki dalam kehidupan moden kini terutama dalam menangani masalah-masalah baru yang tiada dalam ketetapan nas.


Secara umumnya, daripada definisi-definisi *maqāsid syariah* yang telah dinyatakan, ia terbahagi kepada tiga komponen iaitu *ḍarūriyyāt*, *ḥājjiyāt* dan *taḥsinīyyāt*.

*Ḍarūriyyāt* merupakan perkara yang menjadi kepentingan dan keperluan dalam kehidupan manusia untuk kebaikan dan kesejahteraan hidup di dunia. sekiranya keperluan asas ini tidak dipenuhi, kehidupan manusia akan menempun kesengsaraan, kebinasaan serta kemelaratan (Abd al-Wahhab, 1947). Di bawah *maslahah ḍarūriyyāt* terdapat lima perkara yang diberi perhatian iaitu memelihara agama, jiwa, keturunan, akal dan harta.

*Ḥājjiyāt* pula ialah perkara yang menjadi keperluan hidup untuk memudahkan kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Tanpanya kehidupan manusia akan menjadi tidak sempurna dan mengalami kesusahan, tetapi tidak sampai ke tahap merosakkan. Aspek utama yang berkaitan dengan *ḥājjiyāt* adalah berkaitan dengan ibadat, adat, mualamat dan jenayah (Al-Syātībī, 1997).

*Maslahah* ketiga ialah *taḥsinīyāt* yang bermaksud kemaslahatan dari aspek kesempurnaan akhlak, maruah dan adat. Ketidadaan kemaslahatan ini kehidupan manusia masih sempurna dan tidak berada dalam kesusahan (Al-Syātibi, 1997).

Secara ringkasnya perbincangan *maqāsid syariah* boleh dirumuskan seperti rajah 1 dibawah:



Rajah 1: *Maqāsid Syariah*

Sumber: Diubahsuai daripada Jasser Auda (2007).

#### 4.0 ANALISIS KEAMANAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN MAQĀSID SYARIAH

Sebuah negara yang berada dalam keadaan yang tidak aman, seperti ketidakamanan disebabkan oleh peperangan, pencerobohan pengganas, pemberontakan dan lain-lain yang memberi kesan yang besar kepada negara tersebut akan menyebabkan pemeliharaan nyawa (*ḥifẓ al-nafs*) individu akan terjejas yang merupakan salah satu daripada *maqāsid syariah*. Hal ini boleh dilihat apabila banyaknya nyawa-nyawa rakyat negara yang bergolak menjadi korban akibat daripada keadaan tersebut. Bukan sahaja nyawa pejuang yang mempertahankan keamanan negara, malah masyarakat awam juga turut terkorban (Milton, 2006). Laporan daripada *Guinness World Records* telah mengistiharkan jumlah kematian akibat peperangan yang tertinggi di dunia adalah ketika perang dunia ke-2 yang berlaku pada tahun 1939-1945 yang dianggarkan sebanyak 56.4 juta orang, termasuk pejuang peperangan serta masyarakat biasa. Kematian itu termasuk juga 26.6 juta rakyat Soviet dan 7.8 juta rakyat China. Jumlah ini membuktikan bahawa sesebuah peperangan yang berlaku akan menyebabkan ramai nyawa yang terkorban.

Seterusnya ketidakamanan juga akan memberi kesan kepada agama (*ḥifẓ al-dīn*) apabila penceroboh atau pengganas mempunyai agenda keagamaan seperti kes keganasan kepada etnik Rohingnya di Myanmar, di mana tentera Myanmar ingin menghapuskan etnik Rohingnya yang beragama Islam di sana (Al-Jazeera, 2016; BBC News, 2016). Selain itu, peperangan di Palestin melihatkan perebutan tanah Palestin oleh Israel yang beragama Yahudi membunuh dan menindas penduduk asal Palestin yang beragama Islam. Kedua-dua contoh ini jelas menunjukkan bahawa penjagaan agama tidak dapat dijaga apabila berlakunya peperangan dan ketidakamanan. Umat Islam dinafikan hak untuk beribadat dan mengamalkan agama mereka dengan aman dan bebas.

Menjaga keturunan (*ḥifẓ al-nasl*) juga akan terjejas dan menerima kesan akibat daripada ketidakamanan sesebuah negara. Contoh peperangan dan keganasan yang berlaku di negara Syria, apabila tentera pemimpin Basyar Assad merogol dan mencabul wanita-wanita *Sunni* sebelum



dibunuh sebagaimana laporan yang dilaporkan oleh Rangkaian Hak Asasi Manusia Eropah-Mediterranean (Utusan *Online*, 2013; Harian Metro, 2016). Peperangan dan ketidakamanan negara menjadi asbab kepada pemeliharaan keturunan tidak dapat dipelihara.

Objektif *maqāsid syariah* seterusnya untuk menjaga akal (*hifẓ ‘aql*) juga tidak dapat dipelihara apabila sesebuah negara tidak aman. Akal dan intelektual merupakan anugerah daripada Allah s.w.t kepada manusia. Islam memberi kebebasan kepada manusia untuk meluahkan fikiran dan idea dan menggalakkan manusia untuk berfikir dan menggunakan akal semaksimum mungkin. Oleh itu Islam sangat melarang perbuatan yang boleh merosakkan akal dan intelektual. Hakikatnya apa yang berlaku di negara yang sedang bergolak dan tidak aman, masyarakat awam yang ditindas tidak berpeluang untuk menikmati pendidikan yang menyebabkan mereka mundur dari segi pelajaran dan kemahiran (Natasha, *et. al*, 2017). Hasilnya perkembangan intelektual mereka juga terjejas dan terkebelakang ditelan peredaran zaman dan menyebabkan pembangunan bangsa juga tidak dapat berjalan dengan baik (Drake & Kelly, 2009; Tyler, 2014; Hoenig, 2018 dan Fransen et al, 2018). Oleh itu, kesan ketidakamanan menyebabkan penjagaan akal dan intelektual tidak dapat dipelihara.

Antara tujuan syariah yang lain adalah untuk menjaga harta (*hifẓ māl*). Dalam suasana negara yang tidak aman dan kacau bilau, penjagaan harta tidak dapat dipelihara. Ini kerana, kebanyakan peperangan, pencerobohan, keganasan adalah bertujuan untuk mengaut keuntungan ekonomi. Sebagai contoh, faktor minyak adalah sebab utama penjajahan Jerman ke Afrika dan Rusia pada Perang Dunia II, peperangan Arab-Israel pada tahun 1974 (Bialer, 1999) serta peperangan Iraq dan Amerika Syarikat (Stiglitz, 2008; Basedau dan Lay, 2009; Feri Fadli, 2013) juga disebabkan oleh perebutan untuk menguasai sumber minyak. Hal ini adalah disebabkan oleh kewujudan hasil minyak yang banyak di negara Asia Barat yang menjadi rebutan oleh negara-negara besar. Selain itu, kesan peperangan juga menyebabkan harta benda orang awam dirampas dan dimusnahkan serta ekonomi negara tersebut jatuh merudum (Baker, 2007; Madrick, 2013; Institute for Economics and Peace, 2015; World Bank, 2017; Rafael, 2018) menyebabkan objektif syariah untuk menjaga harta individu dan harta awam tidak dapat dijaga apabila berlakunya peristiwa-peristiwa ketidakamanan dalam negara.

Oleh itu, keamanan negara merupakan salah satu daripada keperluan *masalah darūriyyāt* iaitu sesuatu yang mesti dipelihara dan dijaga bagi kemaslahatan agama, masyarakat dan negara. Dengan wujudnya keamanan negara segala elemen *maqāsid syariah* iaitu menjaga agama (*hifẓ al-din*), menjaga nyawa (*hifẓ al-nafs*), menjaga akal (*hifẓ al-‘aql*), menjaga keturunan (*hifẓ al-nasl*) dan menjaga harta (*hifẓ al-māl*) dapat dipelihara dan dijaga sebaiknya khususnya kepada penduduk dan rakyat negara tersebut.

## 5.0 ANALISIS HUBUNGAN MAQĀSID SYARIAH DAN MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS)

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) adalah pelan tindakan yang dibangunkan oleh Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 2015 yang telah dipersetujui oleh kesemua 193 buah negara anggota PBB untuk mencapai masa depan yang lebih baik dan lebih mampan untuk semua yang ingin dicapai pada tahun 2030 (UN, Sustainable Development Goals). Ia menangani cabaran global yang dihadapi, termasuk yang berkaitan dengan kemiskinan, ketidaksamaan, iklim, kemusnahan alam sekitar, kemakmuran, dan keamanan dan keadilan. Terdapat 17 matlamat yang menjadi teras dalam SDG iaitu tiada kemiskinan, tiada kelaparan, kesihatan dan kehidupan yang baik, pendidikan yang berkualiti, kesaksamaan jantina, air yang bersih dan sanitasi, tenaga yang

mampu milik dan bersih, pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi, industri, inovasi dan infrastruktur, mengurangkan ketidakadilan, bandar dan komuniti yang mampan, pengeluaran dan penggunaan yang bertanggungjawab, tindakan iklim, hidup di bawah air, hidup di atas tanah, keamanan, keadilan dan institusi yang kuat dan kerjasama untuk mencapai matlamat.

Daripada 17 matlamat yang ingin dicapai terdapat satu matlamat SDG yang ingin mencapai keamanan iaitu matlamat ke 16. Ini termasuklah keamanan dalam negara serta keamanan global. Dalam matlamat ini, antara yang ditekankan adalah isu pembunuhan antarabangsa, keganasan terhadap kanak-kanak, pemerdagangan manusia, keganasan seksual dan rasuah merupakan aspek penting untuk ditangani bagi menggalakkan keamanan, masyarakat yang harmoni dan pembangunan yang mampan setahun (UN, Sustainable Development Goals).

Rasuah, kecurian dan pengelakan cukai telah menelan belanja semanya US 1.26 trilion untuk negara-negara membangun setiap tahun. Keganasan terhadap kanak-kanak telah menjejaskan lebih daripada 1 bilion kanak-kanak di seluruh dunia dan menelan belanja sehingga US 7 trilion setahun (UN, Sustainable Development Goals).

Sekiranya diteliti, Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang ke 16 ini mempunyai hubungan yang rapat dengan objektif *maqāsid syariah* yang lima iaitu menjaga agama (*hifẓ al-dīn*), menjaga nyawa (*hifẓ al-nafs*), menjaga akal (*hifẓ al-‘aql*), menjaga keturunan (*hifẓ al-nasl*) dan menjaga harta (*hifẓ al-māl*). Sebagai contoh, isu pembunuhan antarabangsa, keganasan terhadap kanak-kanak dan pemerdagangan manusia adalah perkara penting yang perlu ditangani serta dibanteras bagi menjaga nyawa (*hifẓ al-nafs*) supaya nyawa-nyawa manusia yang tidak bersalah tidak menjadi mangsa dalam keganasan dan kekejaman manusia yang jahat.

Keganasan kanak-kanak dan pemerdagangan manusia juga akan mengakibatkan penjagaan akal (*hifẓ al-‘aql*) tidak dapat dipelihara. Hal ini kerana keganasan akan menyebabkan kesakitan fizikal dan mental kanak-kanak. Akibatnya mereka tidak dapat menjalani proses pelajaran dan pembelajaran yang sempurna apabila kanak-kanak ini disakiti dan mengalami trauma. Begitu juga dengan isu pemerdagangan manusia, data yang dikeluarkan oleh United Nation 2018, pada tahun 2016 kes pemerdagangan manusia diseluruh dunia melibatkan kanak-kanak perempuan adalah kedua yang terbesar iaitu sebanyak 23% manakala kanak-kanak lelaki adalah sebanyak 7% diseluruh dunia yang menjadi mangsa pemerdagangan manusia. Oleh itu, sekiranya dicampur kanak-kanak lelaki dan perempuan nilainya adalah 30% orang kanak-kanak diseluruh dunia ini menjadi mangsa kepada gejala ini. Mangsa yang terdiri daripada golongan belia remaja tidak dapat belajar dan memperoleh ilmu pendidikan yang sepatutnya, maka gejala ini menyebabkan penjagaan akal tidak dapat dipelihara dengan baik.

Seterusnya isu keganasan seksual yang berlaku juga akan menyebabkan objektif untuk menjaga keturunan (*hifẓ al-nasl*) tidak dapat dijaga dan dipelihara. Pada tahun 2014, majoriti mangsa pemerdagangan yang dikesan adalah wanita dan perempuan (71 peratus), dan kira-kira 28 peratus adalah kanak-kanak (20 peratus perempuan dan 8 peratus lelaki). Lebih 90 peratus daripada mangsa yang dikesan diperdagangkan untuk eksploitasi seksual atau buruh paksa (United Nation, 2018).

Selain itu, gejala rasuah, kecurian dan pengelakan cukai akan menyebabkan perbelanjaan sesebuah negara mengalami kebocoran iaitu peruntukan tidak disalurkan pada tempat yang betul. Akibatnya peruntukan-peruntukan kepada sektor lain akan turut terjejas dan kualiti perkhidmatan kerajaan merosot akibat penyalahgunaan kuasa. Indeks Persepsi Rasuah (CPI) tahun 2017 melaporkan Malaysia berada pada kedudukan 62 daripada keseluruhan 180 buah negara, dan naik satu anak tangga di kedudukan 61 pada tahun 2018. Dalam laporan tersebut, tahun 2017 Malaysia dikaitkan dengan isu skandal 1 Malaysia Development Behad (1MDB), di mana aset bernilai lebih

daripada US\$700 juta telah dikesan masih berada di US, UK dan Switzerland (Corruption Perception Index, 2018). Nilai ini sekiranya disalurkan kepada sektor-sektor lain dan diberi dalam pelbagai bentuk perkhidmatan awam kepada masyarakat nescaya lebih ramai akan mendapat manfaat dan dapat menjamin kehidupan rakyat yang lebih baik. Ini selaras dengan objektif *maqāsid syariah* untuk menjaga harta (*hifẓ al-māl*). Apabila menjaga nyawa (*hifẓ al-nafs*), menjaga akal (*hifẓ al-‘aql*), menjaga keturunan (*hifẓ al-nasl*) dan menjaga harta (*hifẓ al-māl*) tidak dapat dipelihara maka secara tidak langsung penjagaan agama (*hifẓ al-dīn*) juga tidak dapat dipelihara. Agama dan nyawa seseorang tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain, tiada nyawa maka tiada juga agama. Sekiranya nyawa tidak dapat dipelihara maka akibatnya agama seseorang juga tidak dapat dijaga dan dipelihara.

Malaysia merupakan antara negara yang terawal menyatakan persetujuan untuk bekerjasama dan menyokong UN 2030 *Agenda for Sustainable Development Goals* (SDG) atau Matlamat Pembangunan Lestari yang diperkenalkan oleh PBB seurus selepas ia dilancarkan. Matlamat Pembangunan Lestari ini sememangnya selari dengan matlamat pembangunan negara Malaysia dan ia telah bermula sejak tahun 1970 lagi, yang memfokuskan untuk mengurangkan kemiskinan, meningkatkan taraf hidup rakyat, memberi akses kepada pendidikan dan penjagaan alam sekitar. Pada tahun yang sama juga, Malaysia telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan meneruskan lagi rancangan pembangunan lestari di Malaysia sehingga tahun 2020. Kini telah sampai kepada Rancangan Malaysia (RMK) ke-11 iaitu bermula 2016 sehingga 2020 yang bertemakan “Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat” yang mengajak rakyat bersama-sama dalam usaha membangunkan negara dan mendapat manfaat daripadanya. RMK ke-11 berjalan selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).

Bagi Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yg ke-16, Malaysia telah ditarafkat dikedudukan 55 daripada 176 negara dalam Indek Persepsi Rasuah dan dia kedudukan 40 daripada 193 buah negara seluruh dunia dalam *Online Service* sub-indeks dalam *UN e-Government Development Index* (2016). Seterusnya Malaysia telah menggariskan beberapa rancangan yang akan dilaksanakan bagi mencapai matlamat yang ke-16 iaitu meningkatkan tahap perkhidmatan awam untuk produktiviti, meningkatkan pengurusan projek untuk hasil yang lebih baik dan lebih cepat, menguatkan bakat pengurusan untuk perkhidmatan awam pada masa hadapan, meningkatkan servis penghantaran dengan masyarakat, menggariskan institusi sektor awam untuk produktiviti dan prestasi yang lebih tinggi serta memperkukuhkan pihak berkuasa tempatan untuk perkhidmatan berkualiti di peringkat tempatan.

## 6.0 KESIMPULAN

Islam mewajibkan negara dan rakyatnya untuk menjaga dan memelihara keamanan negara. Kewajipan ini diperkuatkan lagi dengan firman Allah s.w.t:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ □ فَاصْلِحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَأْتُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ١٠

Al-Hujurāt 49: 10

Terjemahan: Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.

Ayat di atas menunjukkan asas kepada konsep persaudaraan dalam Islam yang menjadi tunjang kepada perpaduan antara kaum. Sekiranya terdapat individu yang bertelingkah, maka individu lain perlu menjadi orang tengah untuk mendamaikan mereka yang bertelingkah. Konsep ini juga boleh

digunakan dalam hubungan antarabangsa apabila terdapat negara yang bergaduh dan bersengketa, maka negara-negara jiran dan anggota lain perlu mainkan peranan sebagai pendamai dan orang tengah.

Dalam konteks semasa, Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memainkan peranan sebagai pendamai dan juga pemberi hukuman kepada negara-negara anggotanya yang melanggar peraturan yang ditetapkan. Selepas perdamaian dicapai, kita dianjurkan agar tidak menganiayai pihak atau negara yang memulakan pencerobohan, malah mengadilinya dengan seadil mungkin.

Keamanan negara adalah kunci utama bagi pemeliharaan lima elemen *maqāsid syariah* iaitu menjaga agama, akal, diri, keturunan dan harta, serta menjaga keamanan negara adalah berada pada tahap keperluan *maslahah darūriyyāt*. Selain itu, *maqāsid syariah* juga mempunyai kaitan dan hubungan yang kuat dengan *matlamat pembangunan lestari* (SDC) yang dibangunkan oleh Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Selain itu juga, negara yang aman akan membawa kepada kesejahteraan masyarakat. Masyarakat yang hidup dalam keadaan yang harmoni dapat menjalankan aktiviti ekonomi seharian dengan selesa dan menghasilkan output yang optimum. Akhirnya sektor ekonomi negara akan bertambah maju serta dapat meningkatkan pendapatan negara seterusnya pendapatan tersebut dapat membangunkan negara dengan baik. Oleh itu, semua pihak bermula daripada individu, masyarakat serta kerajaan harus memainkan peranan penting dalam usaha memelihara dan meningkatkan keamanan dan kesejahteraan negara.

Justeru kajian ini mencadangkan lebih banyak lagi kajian-kajian yang dapat mengaitkan dan menghubungkan prinsip-prinsip yang terdapat dalam Islam dengan kajian-kajian kontemporari dan semasa lebih-lebih lagi yang telah diterima oleh seluruh negara dalam semua bidang disiplin ilmu. Antara prinsip-prinsip yang boleh dijadikan landasan kajian adalah seperti prinsip *maqāsid syariah*, prinsip *wasatiyyah* dan prinsip *rahmatan li al-‘ālamīn*. Kajian seperti ini adalah sangat penting kerana ia dapat memberi pendedahan kepada masyarakat awam Islam dan bukan Islam di dalam negara mahupun luar negara bahawa Islam telah menyediakan garis panduan terhadap isu-isu semasa ini dan dapat mengetahui kaedah yang ada dalam Islam. Malah menjadi tanggungjawab penyelidik Muslim untuk mengetengahkan ajaran Islam itu sendiri kepada masyarakat keseluruhannya supaya dapat menjadikan ilmu Islam yang abstrak kepada yang lebih praktikal.

## Penghargaan

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan *University of Malaya Grand Challenge* yang bertajuk “*THE ROLE OF PEACE TOWARDS ECONOMICS AND POLITICAL STABILITY*” (GC001D-15HNE). Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Malaya yang telah memberi peruntukan dan membiayai penyelidikan ini.

## Rujukan

Abdul Aziz Bari. (2009). *Maqāsid al-Syariah* dan penafsiran perlembagaan Malaysia, dalam Hamidi Abdul Ghani dan Nurul Akma Mohamed (ed), *Maqāsid Syariah Dalam Pentadbiran Negara* (Kota Bharu: Kolej Universiti Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 79-85.

‘Ali Jarishah. (1991). *Al-Mashru’iyyah al-Islamiyyah al-‘Ulya*. (Mesir: Dar al-Wafa’).

Abdul Rahman Ibrahim. (2011). *13 Mei 1969 di Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-‘Ashmawi, Muhammad Sa’id. (1996). *Al-Syari‘ah al-Islamiyyah wa al-qanun al-misri*. Mesir: Maktabah Madbuli al-Saghir.

- Al-Durainī, Fathī. (1987). *Kbasāis al-tashrī‘ al-islāmi fī al-siyāsah wa al-ḥukm*. Beirut: Al-Ma‘hād al-‘Alami li al-Fikr al-Islāmi.
- Al-Fāsi, ‘Ilāl. (1993). *Maqāsid al-shari‘ah al-islāmiyyah wa makārimuha*. Tunisia: Dār al-Gharb al-Islāmi.
- Al-Ghazālī, Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad. (1937). *Al-Mustaṣfa min ‘ilm al-uṣūl*. Kaherah: Al-Maktabah al-Tijāriyyah.
- Al-Jalālayn, Jalal al-Din al-Maḥallī. (2001). *Tafsīr al-jalālayn*. Kaherah: Dār al-Hadith.
- Al-Jurjāni, Ali Ibn Muhammad. (1984). *Al-Ta’rīfāt*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi.
- Al-Munawi, Abd al-Rauf. (1972). *Faiḍ al-qadīr sharah al-jamī’ al-ṣagḥīr*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Al-Qaraḍawi, Yūsuf. (2009). *Fiqh al-jihād*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qurṭubī, Abi ‘ Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abi Bakr tahqīq Abd Allah Al-Tarākī. (2006). *Al-Jāmi‘ al-aḥkām al-qur’ān*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Raisūnī, Ahmad. (1995). *Naẓariyyat al-maqāsid ‘inda al-imām al-Shātibi*. Riyadh: Al-Dār al-Alamiah li al-Kitāb al-Islāmi.
- Al-Razi, Abi Bakr Muhammad Shamsuddin. (2010). *Mukhtār al-Sībah*. Damsyiq: Dār al-Fayha
- Al-Sayid Sābiq. (1999). *Fiqh al-sunnah*. Kaherah: Al-Fatḥu li al-‘Ilāmi al-‘Arabi.
- Al-Syātibi, Abu Ishāq. (1997). *Al-Muwāfaqāt fī usūl al-shari‘ah*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Al-Yūbī, Muhammad Said. (1998). *Maqāsid al-shari‘ah al-islāmiyyah wa ‘alāqatuba bi al-‘adillah al-shar‘iyyah*. Riyadh: Dār al-Hijrah.
- Al-Zuhailī, Wahbah. (1996). *Usūl al-fiqh al-islāmi*. Damsyiq: Dār al-Fikr.
- Baker, D. (2007). *The Economic Impact Of The Iraq War And Higher Military Spending*. Washington: Centre for Economic and Policy Research.
- Basedau, M. dan Lay, J. (2009). Resource curse or rentier peace? The ambiguous effects of oil wealth and oil dependence on violent conflict. *Journal of Peace Research*, 46(6), 757-776.
- Bialer, U. (1999). *Oil and the Arab-Israeli conflict, 1948-1963*. United Kingdom: Macmillan.
- Bunuh diri bimbang dirogol tentera Syria. *Harian Metro*. (2016). Boleh dilayari: <<http://www1.hmetro.com.my/node/189205>>. Dicapai pada 12 Mac 2018
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2002). *Kamus dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2000). *Kamus dewan* (Edisi ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Drake, D., & Kelly, D. (2009). Intellectuals and war. *Journal of War and Culture Studies*, 2(1), 5-16.
- Feri Fadli Rizki. (2013). Serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq (Untuk kepentingan menguasai minyak). *Jurnal Administrasi Negara*, 2 (1), 54-66.
- Fransen, S., Vargas-Silva, C., & Siegel, M. (2018). The impact of refugee experiences on education: Evidence from burundi. *IZA Journal of Development and Migration*, 8(1),6
- Hailani Muji Tahir. (2009). *Māqasid Syariah* dalam pengurusan ekonomi, kewangan dan pembangunan negara, dalam Hamidi Abdul Ghani dan Nurul Akma Mohamed (ed), *Māqasid Syariah Dalam Pentadbiran Negara*. Kota Bharu: Kolej Universiti Antarabangsa Sultan Islamil Petra (KIAS), 28-60.

- Hasan Haji Ahmad. (1999). *Māqasid Syari'yyah*: Konsep dan pengaruhnya dalam pembentukan hukum, dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah Azahari (ed), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Highest death toll from wars, *Guinness World Records.com*. Boleh Layari <<https://www.guinnessworldrecords.com/world-records/highest-death-toll-from-wars/>> Dicapai pada 12 November 2019
- Hoenig, T. (2018). *The Effect of Conflict on Education: Evidence from Sierra Leone*. *MPRA Paper*. 1-23.
- Hugh Mosley, *The Arms Race: Economic and Social Consequences* (Lexington, MA: Lexington Books, 1985).
- Ibn Manzūr, Muhammad. (t.t). *Lisān al-'arab*. Beirut: Dār Sadir.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah. (t.t). *I'lam al-munwaqqi'in*. Kaherah: Idaran al-Tibā'ah al-Muniriyyah.
- Institute for Economics and Peace. (2015). Economic consequences of war on the U.S economy. *Institute for Economics and Peace*. Boleh dilayari: <URL: [http://economicsandpeace.org/wp-content/uploads/2015/06/The-Economic-Consequences-of-War-on-US-Economy\\_0.pdf](http://economicsandpeace.org/wp-content/uploads/2015/06/The-Economic-Consequences-of-War-on-US-Economy_0.pdf)> Dicapai pada 2 April 2018
- Ismail Sualman. (2019). Isu sensitif ancam keselamatan. *Sinar Harian*. (2019). Boleh layari <<https://www.sinarharian.com.my/article/44693/KOLUMNIS/Isu-sensitif-ancam-keselamatan>>. Dicapai pada 11 November 2019
- Jasser Auda. (2007). *Maqāsid al-shari'ah As Philosophy Of Islamic Law: A Systems Approach*. London: The International Institute of Islamic Thought.
- Kenneth E. Boulding, *The Economics of Peace* (New York: Prentice-Hall, 1945).
- Leitenberg, M. (2006). *Deaths In Wars And Conflicts In The 20th Century*. Cornell: Cornell University.
- Lyons, J. (2009). *The House Of Wisdom: How The Arabs Transformed Western Civilization*. London: Bloomsbury.
- Madrick, J. (2013). Is war good for the economy? *Huffington Post*. Boleh dilayari: [http://www.huffingtonpost.com/jeff-madrick/is-war-good-for-theecono\\_b\\_84886.html](http://www.huffingtonpost.com/jeff-madrick/is-war-good-for-theecono_b_84886.html). Dicapai pada 12 Mac 2018
- Maurice, F. D. (1847). *The Religions Of The World And Their Relation To Christianity*. London: J. W. Parker.
- Mustafa Shalabi, Muhammad. (1981). *Ta'wil al-ahkām*. Beirut: Dār al-Nahdah al-Arābiyyah.
- Myanmar wants ethnic cleansing of Rohingya- UN official. (2016). *BBC News*. Boleh dilayari: <<http://www.bbc.com/news/world-asia-38091816>>. Dicapai pada 12 Mac 2018
- Natasha, B. C., Denov, M., Fraser, S. & Bilotta, N. (2017). The nexus of war, resettlement, and education: War-affected youth's perspectives and responses to the quebec education system. *International Journal of Intercultural Relations*, 60, 160-168.
- Paley, W. (1831). *The works*. Edinburgh: Peter Brown.
- Pencerobohan Lahad Datu catat sejarah hitam negara. (2013). *Sinar Harian*. Boleh dilayari: <<http://www.sinarharian.com.my/rencana/pencerobohan-lahad-datu-catat-sejarah-hitam-negara.1.231174>>. Dicapai pada 20 Februari 2018
- Prideaux, H. (1697). *The True Nature Of Imposture Fully Displayed In The Life Of Mahomet*. London: W. Nicholson.
- Rafael, T. S., Brandon, P. & Hart, M. (2018). War and economy. Rediscovering the eighteenth-century military entrepreneur. *Business History*, 60(1), 4-22.

- Rohingya face Myanmar 'ethnic cleansing': UN official. (2016). *Al-Jazeera*. Boleh dilayari: <<https://www.aljazeera.com/news/2016/11/rohingya-face-myanmar-ethnic-cleansing-official-161125065731036.html>>. Dicapai pada 12 Mac 2018
- Rudolf Von Jhering (2001). *Law as a means to an end* (DerZweckimRecht), terjemahan Isaac Husik. New Jersey: The Lawbook Exchange.
- Sayid Qutub (1993). *Al-Salām al-‘ālamī wa al-Islām*. Kaherah: Dār al-Shurūq.
- Stiglitz, J. (2008). The \$3 trillion war. *New Perspectives Quarterly*, 25(2), 61–64.
- Stubbe, H. (1911). *An Account Of The Rise And Progress Of Mahometanism, With The Life Of Mahomet*. London: Luzac & Co.
- Tyler, J. P. (2014). Education, the politics of resilience, and the war on youth: A conversation with Brad Evans. *Review of Education, Pedagogy, and Cultural Studies*, 36(3), 193-213.
- United Nation. (2015). *Sustainable development goals*. Dicapai daripada laman sesawang United Nation: <<https://sustainabledevelopment.un.org/?menu=1300>> Dicapai pada 23 Mei 2019
- United Nation. (2018). *The Sustainable Development Goals Report*. New York: United Nation.
- UNODC. (2018). *Global Report on Trafficking in Persons 2018*. Vienna: United Nations Publication.
- Vally Koubi (2005), "War and Economic Performance," *Journal of Peace Research* 42(1), 67–82.
- Wanita Syria jadi mangsa rogol. (2013). *Utusan Online*. Boleh dilayari: <[http://ww1.utusan.com.my/utusan/Luar\\_Negara/20131127/lu\\_05/Wanita-Syria-jadi-mangsarogol](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Luar_Negara/20131127/lu_05/Wanita-Syria-jadi-mangsarogol)>. Dicapai pada 15 Mei 2018
- World Bank. (2017). The Toll of War: The Economic and Social Consequences of the Conflict in Syria. *World Bank*. Boleh layari: <<https://www.worldbank.org/en/country/syria/publication/the-toll-of-war-the-economic-and-social-consequences-of-the-conflict-in-syria>>. Dicapai pada 2 April 2018
- 580 maut sebulan di Syria sepanjang 2018. *Berita Harian Online*. (2019). Boleh layari: <<https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2019/01/515279/580-maut-sebulan-di-syria-sepanjang-2018>>. Dicapai pada 11 November 2019